

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL  
RAHIM [ BALING ]**

**SOALAN NO. 502**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah penanaman nanas seperti yang dicadangkan oleh Kementerian membantu pekebun sawit atau getah, dan apakah mekanisme baharu oleh Kementerian untuk membantu pekebun sawit dan getah.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) telah memperkenalkan **Projek Integrasi Tanaman Nanas** sebagai salah satu pendekatan untuk pembangunan kawasan tanaman nanas dan juga **usaha memberi tambahan pendapatan kepada pengusaha tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah**.
2. Dalam tempoh pelaksanaan Projek Integrasi Tanaman Nanas yang telah bermula daripada tahun 2016 sehingga kini, seluas **777.0 hektar** kawasan telah dibangunkan dengan **tanaman nanas secara integrasi atau selingan bersama tanaman sawit dan getah**.
3. Berdasarkan data keluasan semasa, **53.0% kawasan tanaman integrasi** nanas di bawah program ini adalah ditanam secara **kontan**

## **SOALAN NO : 502**

**dengan kelapa sawit dan 35.0% ditanam bersama dengan tanaman getah manakala baki 12.0% ditanam bersama tanaman dusun, buah-buahan dan kelapa.**

4. Manakala Kementerian Industri Utama melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pula telah melakukan pelbagai kajian ke atas pelbagai jenis tanaman yang dapat menjana pendapatan kepada pekebun jika dilakukan secara integrasi dengan sawit. Sehingga kini teknologi integrasi tanaman melibatkan lebih daripada 20 jenis tanaman bernilai tinggi yang bersesuaian ditanam dengan sawit telah dipindahkan kepada pekebun kecil. Teknologi integrasi ini telah dikenal pasti dapat menjana pendapatan tambahan yang baik kepada penanam sawit di samping tidak menjaskan aktiviti hasil utama buah tandan sawit.
5. Malahan penanaman cendawan Volvariella telah mula diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia pada tahun 2015 kepada pekebun kecil getah sebagai tanaman alternatif untuk meningkatkan pendapatan mereka.
6. Melalui pendekatan ini, pekebun atau pengusaha tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah akan dapat menikmati faedah tambahan pendapatan dari sumber pendapatan utama mereka terutama apabila berhadapan dengan suasana kejatuhan harga komoditi di pasaran.

Sekian, terima kasih.